

'Sabah tiada hak berpisah dengan Persekutuan'

DE 21/10/2011 1

Sherell Ann Jeffrey

KOTA KINABALU: Sabah tidak berhak untuk berpisah daripada Persekutuan Malaysia adalah antara topik yang dibincangkan di seminar 'Prospek dan Retrospeksi Sabah: Akibat pemerintahan penjajah' di sini, Khamis.

Seminar itu mengimbas semula penglibatan negeri ini dan dasar-dasar penyertaan dalam merealisasikan penubuhan Malaysia dan juga menyelesaikan sebarang kekeliruan tentang fakta sebenar sejarah Malaysia.

Antara ahli panel ialah Dr. D.S. Ranjit Singh, seorang profesor di Kolej Pengajian Undang-Undang, Kerajaan dan Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia.

"Saya rasa interpretasi anda adalah Malaysia harus mempunyai melakukan perundingan semula selepas Singapura menarik diri. Sekarang ini adalah pandangan yang dipetik daripada Tun Fuad Donald Stephens dan malah Tun Datuk Mustapha Harun yang mahu membawa Sabah keluar dari Malaysia tetapi seperti diminta tutup mulut oleh Kerajaan persekutuan.

"Kemudian agak mengejutkan setelah semua ini berlaku, Dewan Undangan Negeri meluluskan satu undang-undang yang menyatakan Sabah tidak akan berpisah daripada Persekutuan itu.

"Sekarang ini jika perjanjian asal itu batal dan tidak sah selepas penarikan diri Singapura, kenapa pula dewan negeri meluluskan undang-undang ini? Mereka adalah wakil-wakil Sabah tetapi mereka juga yang meluluskan undang-undang bahawa mereka tidak akan membawa Sabah keluar daripada Persekutuan.

"Jadi, pihak sewajarnya yang harus menjawab kenapa Sabah tidak pernah berpisah daripada Persekutuan adalah Dewan Undangan Negeri. Saya hanyalah seorang ahli sejarah dan apa yang boleh saya beritahu hanyalah fakta."

Beliau menjawab soalan daripada salah seorang peserta yang bertanya sama ada perjanjian asal dalam pembentukan Persekutuan batal dan tidak sah selepas Singapura bertindak keluar pada 1965.

Ranjit menambah, semua orang yang bercakap tentang



RANJIT (kanan) dan Kitingan (kiri) menjawab soalan ketika seminar itu.

perkara itu boleh dihakimi kerana undang-undang telah diluluskan dan maka Dewan Undangan Negeri Sabah tidak boleh mengundi secara sah untuk berpisah daripada persekutuan.

"Satu-satunya masalah di sini adalah tidak banyak integrasi antara Sabah dan Semenanjung Malaysia. Mungkin disebabkan jarak, atau perbezaan pengalaman sejarah tetapi saya tidak salahkan penduduk Sabah kerana mempunyai perasaan mahu berpisah daripada Persekutuan."

Kepada soalan lain berkaitan royalti minyak, beliau berkata, semasa perundingan Malaysia dijalankan, senarai 20 perkara dikemukakan oleh Borneo Utara mencadangkan terma bagi penyertaannya ke dalam persekutuan yang baharu itu sebagai Negeri Sabah.

"Singapura membenarkan kerajaan Persekutuan mengambail 60 peratus sementara 40 peratus lagi kekal dengan Singapura, sementara Sultan Brunei berkata, mereka akan hanya beri sumbangan sukarela yang Kerajaan Persekutuan dan Tunku Abdul Rahman sifatkan sebagai tidak boleh diterima.

"Bagi Sabah dan Sarawak mereka meminta banyak perkara tetapi mereka tidak pernah bercakap tentang royalti minyak dalam perjanjian 1963 itu.

"Perjanjian itu adalah royalti minyak dan royalti lain, formula yang digunakan untuk negeri-negeri Melayu yang lain - 95 peratus pergi kepada kerajaan Persekutuan dan lima peratus kepada Sabah, yang kemudiannya dipersetujui oleh Sabah.

"Para pemimpin anda merundingkan perjanjian 20-Perkara. Dan tidak ada satu perkarapun yang menyentuh tentang royalti minyak," kata Ranjit.

Mengulas kenapa Sabah masih membayar 5,000 kepada Sultan Sulu, beliau berkata: "Perjanjian asal yang ditandatangani oleh Overbeck dan Sultan Sulu pada 1878 adalah supaya 5,000 Dolar Sepanyol dibayar kepada Sultan Sulu.

"Sultan Sulu dalam klausa itu berkata 'Sekarang ini saya berikan ini kepada kamu sebagai sewa sehingga tidak ada matahari dan bulan' yang bermaksud ia perjanjian kekal.

"Ia tidak boleh ditarik balik kerana kita masih mempunyai matahari dan bulan. Kamu boleh pergi ke mana-mana mahkamah keadilan antarabangsa tetapi kamu tidak akan boleh memenangi kes itu. Tetapi kita perlu membayar 5,000. Janji tetap janji. Jika kita tidak bayar maka mungkin masalah akan berlaku.

Sementara itu, Pengerusi Kerusi Kadazandusun di UMS, Dr Jacqueline Pugh-Kitingan yang juga antara ahli panel berkongsi pandangan tentang perkara berkaitan Sabah tidak mempunyai hak untuk berpisah daripada Persekutuan.

"Saya gembira kerana mustahil bagi kita untuk menarik diri keluar dari Malaysia, kerana jika Sabah bersendirian, dua perkara mungkin berlaku, peperangan akan berlaku antara Indonesia dan Filipina Selatan dan ia akan berlaku di sini.

"Kita mempunyai perlindungan Malaysia, walaupun ia tidak mudah pada ketika ini. Saya gembira kerana kita berada di bawah sistem parlimen daripada sebuah republik di mana yang miskin akan menjadi bertambah miskin dan yang kaya bertambah kaya," katanya.